

# Dua tangki air 'tergantung'

KOSMO 26/6/06

Oleh ZAMRI RAMBLI  
dan NORAINI A. GHANI  
berita@kosmo.com.my

**KUALA TERENGGANU** - Menggerunkan!

Begitulah gambaran keadaan dua buah tangki air milik Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (Satu) di Loji Air Bukit Losong, di sini, yang berdepan hakisan teruk dan dibimbangi runtuh pada bila-bila masa.

Dengan kandungan kira-kira 2.5 juta gelen padu bagi dua tangki tersebut, sebarang kemungkinan buruk akan menyaksikan lima buah kampung berdekatan yang didiami lebih 1,000 penduduk, ditenggelami air dan lumpur.

Ini kerana sebahagian kawasan bukit yang menghadap ke Kampung Paloh Masjid telah terhakis, malah berlaku tanah runtuh di situ berikutan hujan lebat sejak kebelakangan ini.


Tinjauan *KOSMO!* baru-baru ini membongkar situasi lebih buruk apabila jarak salah sebuah tangki tersebut dengan cerun tanah yang telah runtuh, kini hanya sekitar dua meter sahaja.

Lebih membimbangkan, usaha membina tembok bagi menghalang tanah runtuh sebelum ini juga gagal, apabila tembok itu turut runtuh menyembah bumi dibawa hakisan tanah.

"Kalau tembok batu itu pun telah jatuh kerana hakisan, tidak mustahil satu hari nanti dua tangki air itu juga mungkin runtuh dan pecah," ujar seorang pekerja sebuah syarikat pembinaan yang kebetulan ditemui di situ.

Dia yang enggan namanya disiarkan sedang membuat kajian mengenai kawasan tersebut, memberitahu keluasan kawasan runtuhan itu dianggarkan sekitar 1,800 meter persegi.

"Lebar kawasan runtuhan hampir 60 meter manakala tinggi bukit ini pula sekitar 30 meter iaitu sama tinggi dengan bangunan enam atau



**KEADAAN** tanah runtuh yang boleh menyebabkan berlaku bencana kepada penduduk di sekitar Kampung Paloh Masjid, Kuala Terengganu. Gambar kecil Mustafa.

tujuh tingkat.

"Ia satu runtuhan yang boleh dianggap teruk kerana selain struktur tanah yang sudah terlalu banyak terhakis, ia semakin menghampiri dinding tangki," jelasnya.

Seorang penduduk di Kampung Paloh Masjid, Mustafa Ali, 65, memberitahu, hakisan teruk bukit tersebut dapat dilihat oleh penduduk di situ sejak penghujung tahun lalu.

"Sebelum ini ada pagar dan bengteng batu yang turut mempunyai saluran air, tetapi turut runtuh," katanya.

Jelas Mustafa, selain menggunakan kanvas bagi menutup bahagian hakisan, tembok turut dibina tetapi tidak dapat bertahan lama akibat hakisan teruk sejak dua atau tiga bulan lalu.

"Walaupun kediaman penduduk

kampung tidaklah terlalu dekat dengan kawasan bukit ini tetapi kita bimbang juga kalau ada perkara buruk terjadi," katanya.

Kedua-dua tangki di Loji Air Bukit Losong difahamkan dipam dari Sungai Terengganu bagi kegunaan sebahagian penduduk di Kuala Terengganu.

Antaranya termasuklah kawasan Jalan Hiliran, Jalan Kuala Hi-



**KEDUDUKAN** Loji Air Bukit Losong yang tidak selamat disebabkan hakisan tanah.

liran, Jalan Pulau Kambing, Cabang Tiga, Simpang Tok Ku, Jalan Kubang Buyung, seluruh mukim Losong, Kampung Paluh, Kampung Pulau Rusa dan Kampung Kuala Bekah.

Tanah runtuh di bukit tersebut boleh dilihat dengan jelas oleh orang ramai yang menggunakan Jalan Bukit Losong menuju ke Kampung Paloh Masjid.